

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : READING ROOM
FUNGSI : LITERASI BAHASA
TAJUK : “FLIP BOOK” - RANTAIAN MAKANAN
AKUATIK

BI L	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	BM 1.5	Bertutur untuk menyampaikan idea
2	STANDARD PEMBELAJARAN	BM 1.5.2	Menyampaikan idea secara kritis tentang sesuatu yang didengar, dilihat dan dialami
		KD 3.1.3	Menunjukkan sikap menghormati perasaan dan pandangan orang lain.
p0 3	STREAM	S	Mengenali rantai makanan hidupan akuatik
		T	VR (Virtual Reality)
		R	Mengamalkan sikap bertoleransi dalam pergaulan
		E	Membina ‘Flip Book’
		A	Melakar dan menghias ‘Flip Book’
		M	Membilang, menyebut saiz, bentuk dan warna hidupan akuatik
4	OBJEKTIF	Kanak-kanak mengenali dan memahami rantai makanan hidupan akuatik	
5	BBM	VR(<i>virtual reality</i>), gunting, kad manila, pensel, pembaris, kertas warna A4, pensel warna dan gambar rantai makanan	
6	NILAI MURNI	Bekerjasama, sabar, keterlibatan, yakin, berani	

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Guru membawa kanak-kanak ke pusat pembelajaran.
2. Kanak-kanak memakai VR(*virtual reality*) untuk mengetahui rantai makanan hidupan akuatik.
3. Kanak-kanak berbual tentang pengalaman menggunakan VR dan menyatakan apa yang dilihat.
4. Guru membahagikan kanak-kanak kepada kumpulan kecil.
5. Kanak-kanak melipat kad manila kepada 6 bahagian untuk menghasilkan “flip book”.
6. Kanak-kanak menggunting gambar dan perkataan.
7. Kanak-kanak menampal gambar dan perkataan berdasarkan rantai makanan yang dibina.
8. Guru membantu kanak-kanak melukis petunjuk arah tentang kitaran rantai makanan hidupan akuatik.
9. Kanak-kanak menghias muka depan “flip book”.
10. Kanak-kanak mempersembahkan hasil kerja yang telah siap.
11. Guru memberi pujian kepada kanak-kanak.
12. Kanak-kanak mempamerkan “Flip Book” di pusat pembelajaran.

Nota: Aktiviti ini boleh dibuat secara kumpulan kecil.

Rujukan: <https://www.youtube.com/watch?v=u1-CsgYxMnc>

Food Chain